

31 AUG 1996

PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KE-39 BERMULA DI KOTA KINABALU

KOTA KINABALU, 31 Ogos (Bernama) -- Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-39 bermula 7 pagi ini dengan perbarisan kontinjen penuh warna warni di Kompleks Sukan Likas, kira-kira tiga kilometer dari pusat bandar ini.

Ini merupakan kali pertama Sabah menjadi penganjur sambutan peringkat kebangsaan itu.

Lebih 12,000 orang daripada 94 kontinjen mewakili badan-badan kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan, yang membanjiri pekarangan Kompleks Sukan Likas seawal pukul 5.30 pagi, mengambil bahagian dalam perarakan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Hajah Rukaiyah Datu Panglima Abdullah menyaksikan perarakan itu, yang turut membabitkan kontinjen berkuda dan berkenderaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan isteri Datin Stella turut menghadiri sambutan itu.

Selain menteri-menteri kabinet persekutuan, sambutan itu turut disaksikan timbalan-timbalan Ketua Menteri Sabah, menteri-menteri kabinet negeri serta diplomat asing dari kira-kira 70 negara. -- BERNAMA

TM NAK